

'Tidak ada tempat bagi bekas rakyat'

LABIS, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, Kerajaan tidak akan menerima sama sekali bekas rakyat Malaysia yang telah menjadi warganegara asing.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata di sini hari ini, Malaysia hanya memerlukan rakyat yang bersedia "hidup dan mati bersamanya", walau dalam apa keadaan sekalipun.

Menurut Datuk Musa, beliau telah menerima sekurang-kurangnya tiga pucuk surat dari

bekas rakyat Malaysia yang mahu menjadi rakyat negara ini semula setelah menggugurkan kerakyatan mereka kerana berpindah ke negara asing.

Berucap dalam satu perjumpaan dengan penduduk-penduduk kawasan pilihanraya Ayer Panas di sini, beliau berkata pengirim-pengirim surat itu mendakwa mereka kawan baiknya dan bermacam lagi dakwaan untuk memohon kembali sebagai rakyat Malaysia.

Datuk Musa berkata, beliau tahu orang-orang itu adalah mereka yang menggugurkan kerakyatan negara ini kerana memburu

kehidupan yang kononnya "lebih indah dan manis dari yang diperolehi di negara ini."

Menurutnya, mereka itu ada yang telah menjadi warganegara asing seperti Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan United Kingdom.

Kepada mereka ini, jelas Datuk Musa lagi, jika mereka telah menukar kerakyatan, mereka tidak boleh lagi diberi kerakyatan Malaysia semula.

Beliau menjelaskan, perkara kerakyatan adalah soal yang serius dan tidak boleh dipermainkan dan Kerajaan tidak akan teragak-agak menolak permohonan mereka.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru, Timbalan Perdana Menteri berkata, 10 tahun pertama telahpun berlalu di mana dalam tempoh tersebut Kerajaan membebankan sikap dan pemikiran rakyat, khususnya Bumiputera, dalam penyusunan semula masyarakat.

Beliau menegaskan, dalam tempoh 10 tahun kedua pada masa ini, Kerajaan akan menekankan soal membasmi kemiskinan.

Dalam hubungan itu, beliau menyeru setiap pegawai Kerajaan supaya menanamkan semangat perkhidmatan cemerlang berdasarkan pentadbiran licin, cekap dan bersih.

Datuk Musa juga mengingatkan mereka supaya tidak mengamalkan sikap memilih kasih dan memandang bulu dalam memberi layanan kepada rakyat.

Beliau mahu sistem perakam waktu bekerja sekarang diteruskan hingga bila-bila dan meliputi semua sektor sama ada Kerajaan atau swasta di negara ini.

Beliau tidak mahu sistem tersebut dilaksanakan sebagai "hangat-hangat tahi ayam sahaja".

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia